

DW 1.5: Membangunkan Produk Berpotensi *Spa and Wellness* yang berkonsepkan Terapeutik dan Kesejahteraan

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Menaik taraf kemahiran komuniti desa kaum wanita melalui produk pelancongan baru iaitu *Spa and Wellness*.
- Mempelbagaikan produk pelancongan serta pelengkap aktiviti pelancongan pantai bagi daerah Mersing.
- Mewujudkan peluang pekerjaan.
- Menawarkan pakej pelancongan baru yang berkonsepkan spa tepi pantai.

Komponen Cadangan:

- Menyediakan lokasi cadangan pembinaan pusat *Spa and Wellness*.
- Menyediakan latihan, kursus dan kemahiran kepada komuniti berkaitan urutan, bekam dan spa.
- Menyediakan pakej pelancongan yang berkonsepkan *Wellness Tourism* seperti spa, urutan tradisional, urutan *aromatheraphy* dan *ecotherapy*.

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan dan pengurusan projek antara agensi awam dan swasta.

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **9 buah kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar
Batu Pahat	-	-
Kluang	-	-
Mersing	-	9
Jumlah	-	9

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • MDM • JPCK • Pejabat Daerah • BPENJ • KPLB • KPWKM 	<ul style="list-style-type: none"> • MOTAC Johor • Tourism Johor • MAWSPA • Unit Strategik Modal Insan (SMI)

ANGGARAN KOS

- Anggaran kos papan tanda arah = RM 20,000 per unit untuk 9 kampung dengan jumlah kos keseluruhan RM 180,000.
- Kos pemasaran = RM 25,000 setiap tahun (dijalankan sepanjang Fasa 3: 3 tahun) dengan jumlah kos RM 75,000.
- Kos kursus kemahiran = RM 50,000 setiap tahun (dijalankan sepanjang Fasa 3: 3 tahun) dengan jumlah kos RM 150,000.
- Anggaran kos bina premis (20'x70') berserta peralatan = RM 500,000 untuk 4 kawasan dengan jumlah kos RM 2,000,000.


Jumlah Keseluruhan Kos: RM 2,480,000

FASA PELAKSANAAN



Spa and Wellness seperti urutan tradisional, urutan thai, urutan refleksologi dan urutan spa boleh menjadi nilai tambah kepada produk pelancongan pantai bagi daerah Mersing. Produk pelancongan ini juga membuka peluang pekerjaan baharu bagi masyarakat setempat di samping meningkatkan ekonomi di daerah Mersing. Sehubungan itu, rangka kerja yang berkesan perlu dibentuk dan diguna pakai dalam membantu pengusaha *Spa and Wellness* ini bagi mengembangkan produk pelancongan ini serta meningkatkan penglibatan komuniti setempat sebagai mana rajah berikut.

Rajah 4.30: Rangka Kerja bagi Membantu Pengusaha *Spa and Wellness*



Nota:
 MAWSPA (*Malaysian Association of Wellness & Spa*)
 KPWKM (*Kem. Pemb. Wanita, Keluarga dan Masyarakat*)


Antara komponen cadangan bagi pembangunan *Spa and Wellness*:

- Menyediakan lokasi cadangan pembinaan pusat *Spa and Wellness*.
- Menyediakan latihan, kursus dan kemahiran kepada komuniti berkaitan urutan, bekam dan spa.
- Menyediakan pakej pelancongan yang berkonsepkan *Wellness Tourism* seperti spa, urutan tradisional, urutan *aromatherapy* dan *ecotherapy*.








Foto: Antara perkhidmatan urutan-urutan yang ditawarkan di pusat *Spa and Wellness* yang menjadi tarikan pelancongan.


Rajah 4.31: Cadangan Lokasi *Spa and Wellness* di Daerah Mersing



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

PETUNJUK:

-  Lokasi Cadangan *Spa and Wellness*
-  Taburan Kampung
-  Sempadan Daerah
-  Jalan Raya
-  Laut



Lokasi Berpotensi Pembangunan Spa Tepi Pantai di Pulau Besar



Lokasi Berpotensi Pembangunan Spa Tepi Pantai di Pulau Sibu